

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan strategik bagi memperkasakan mahkamah syariah menerusi pindaan Akta 355 (mahkamah syariah) bagi tahun 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memperkasa dan menaikkan kedudukan mahkamah syariah agar setanding dengan mahkamah sivil.
2. Aspek pemerksaan mahkamah syariah meliputi pelbagai aspek yang penting seperti meningkatkan tahap kompetensi Hakim Syarie, Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama, penambahbaikan aspek tadbir urus dan prasarana mahkamah Syariah, penggubalan dan pindaan undang-undang Syariah sedia ada dan penyeragaman dan penyelarasan undang-undang Syariah.
3. Antara langkah yang telah diambil untuk memperkasa dan menaik taraf mahkamah Syariah supaya sesuai dengan perkembangan semasa ialah dengan menubuhkan suatu jawatankuasa bagi mengkaji dan

menggubal Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2022 ('RUU Mahkamah').

4. Bagi meningkatkan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah pula, Kerajaan juga sedang mempergiat usaha untuk mendraf Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2021 ("RUU 355").

5. Untuk makluman, sepanjang tahun 2020 dan 2021 Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil ("Jawatankuasa Teknikal") yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan RUU 355 dengan melihat dari pelbagai aspek khususnya aspek perlembagaan, undang-undang dan hukum Syarak agar RUU 355 tersebut lebih komprehensif dan seterusnya dapat memperkasa bidang kuasa jenayah mahkamah syariah.

6. Setelah RUU 355 dimuktamadkan kelak, RUU 355 tersebut akan dibentangkan kepada negeri-negeri dalam Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Sekian, terima kasih.